

PERANAN PERSATUAN ISLAM (PERSIS) BANDUNG DALAM PELAKSANAAN PENDIDIKAN ISLAM

Role of Islamic Religious Union (Persis) Bandung in Implementation of Islamic Education

Undang bin Achjadilaga¹
Abdullah Yusof²

Abstrak

Pertubuhan Persatuan Islam Bandung memainkan peranan penting dalam pelaksanaan pendidikan Islam. Walaupun banyak kajian telah dilakukan oleh para penyelidik terdahulu berkaitan Lembaga Pendidikan Islam Persatuan Islam, akan tetapi kajian mengenai peranan PERSIS dalam pelaksanaan pendidikan masih sedikit. Justeru, kertas ini akan membincangkan dua perkara, (1) mengkaji peranan PERSIS dalam pelaksanaan pendidikan Islam. (2) menjelaskan ciri dan pola lembaga pendidikan Islam PERSIS. Kertas ini merupakan kajian kualitatif yang mana menggunakan data dari dokumen sebagai rujukan utama. Kajian ini menggunakan metode analisis tematik. Melalui metode ini, tema mengenai peranan PERSIS dibincangkan secara keseluruhan. Kesimpulannya didapati bahawa PERSIS memainkan tiga peranan penting dalam pelaksanaan pendidikan Islam di Jawa Barat, iaitu semuanya berkaitan dalam bidang pendidikan di ketiga-tiga peringkat (1) rendah, (2) menengah dan (3) menengah atas. Lembaga pendidikan Islam yang dikelola PERSIS mengadunkan ciri-ciri klasik dan moden.

Kata Kunci: *Peranan Persis, Persatuan Islam (Persis), Pendidikan Islam di Bandung*

Abstract

Islamic Association (PERSIS) Bandung play role in Islamic education. Although many studies in term Islam education have been done by previous scholars, but studies on the role PERSIS in implementation of Islamic Education is still very much lacking. Therefore, the objective of this paper is to study the role Persis in implementation of Islamic education in Jawa Barat (West Java) Indonesia. And to discuss any characteristics of Islamic Education. The case study selected for this paper is Jawa Barat (West Java). This is a qualitative study using data from documents as a primary source. The method of thematic analysis was used to analyzed the data collected. Through this method, the themes of the role of Persatuan Islam (Persis) in implementation of Islamic education in West Java was discussed. The conclusion from this current study found that Islamic education in Persatuan Islam (Persis) had played three critical aspects role in implementation of Islamic Education. Three of it are related to three levels of education. (1) basic

¹ Calon PhD di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

² Pensyarah Kanan dan Penyelia Calon di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Email abdyusof@um.edu.my

Islamic education, (2) middle Islamic Education and (3) middle-up Islamic education. Islamic Education in Persis mix any characteristics as well as classical pesantren or modern in system of administration.

Keyword: *The Role of Persis, Islamic Association (Persis), Islamic Education in Bandung*

Pendahuluan

Tujuan (*objektif*) am pendidikan PERSIS adalah mewujudkan keperibadian muslim yang *tafaqqahu fi al-dien* sesuai dengan tingkatan satuan pendidikan yang ikutinya.³ Menurut Ahmad Tafsir seperti mana dikutip pendapatnya oleh Dedeng Rosyidin bahawa tujuan am pendidikan formal⁴ Islam adalah mewujudkan keperibadian muslim yang mana akalnya berkembang, bersedia menerima kebenaran pengetahuan yang diperolehnya, berkebolehan mempraktikkan pengetahuan yang dimilikinya.⁵ Selanjutnya, tujuan pendidikan Islam bertolak dari premis manusia sempurna dalam Islam iaitu manusia muslim yang sihat dan kuat jasmaninya, bijak dan pandai akalnya, dan hatinya takwa kepada Allah s.w.t. Pendidikan Islam adalah pendidikan yang disedari dan bertujuan. Allah s.w.t telah meletakkan asas-asasnya bagi seluruh manusia dalam syariat-Nya. Dari segi kuantiti, bilangan lembaga pendidikan Islam Persis diJawa Barat dari tahun ke tahun menunjukkan angka peningkatan yang memberangsangkan. Ianya ditandai dengan pesatnya pembangunan beberapa gedung baru di beberapa daerah. Berikut ini adalah carta infra struktur pendidikan yang dimiliki Persatuan Islam menurut data dari PP. Persis 2015.

Carta 01

No	Daerah	Tanah (M2)	Ruang belajar
1	Kota Bandung	8051	6800
2	Kabupaten Bandung	44662	24776
3	Kabupaten Cianjur	12921	7948
4	Bogor (Kabupaten Bogor)	1730	700
5	Kabupaten Subang	6887	2051
6	Kabupaten Garut	35766	17000
7	Kabupaten Pamekasan	1164	700
8	Kabupaten Sukabumi	840	560
9	Kabupaten Sumedang	7142	3691
10	Kota Jakarta Pusat	210	140
11	Kota Jakarta Barat	360	280
12	Kota Jakarta Utara	753	692
13	Kota Jakarta Timur	1757	391

³Dedeng Rosyidin (2009), *Konsep Pendidikan Formal Islam*, Pustaka Nadwah, Bandung, h. 224.

⁴Pendidikan formal adalah pendidikan yang mengikuti struktur hierarki dan bertahap yang terdiri dari pendidikan dasar, pendidikan menengah dan pendidikan tinggi. Pendidikan formal merangkumi aspek-aspek pendidikan. Aspek pendidikan adalah eleman yang secara langsung terlibat di dalam kegiatan pendidikan. Disebut pula sebagai komponen pendidikan, faktor pendidikan atau unsur pendidikan. Iaitu tujuan, guru/pendidik, pelajar, alat dan persekitaran. Mengikut sejarahnya, pendidikan formal Islam mula menggunakan sistem sekolah muncul pada zaman Nizam al-Muluk. Pada ketika itu mula ditubuhkan madrasah-madrasah pendidikan rasmi (formal)-kemudian dikenal pula sebagai Madrasah Nizamiyah- walaupun syarat-syarat kelayakan sebagaimana ia wujud pada masa itu tidak begitu terang. Penjelasan secara terperinci sila lihat dalam buku Dedeng Rosyidin (2009), *Konsep Pendidikan Formal Islam*, Bandung, Pustaka Nadwah, h. 17.

⁵Ibid. h.18.

No	Daerah	Tanah (M2)	Ruang belajar
14	Kabupaten Majalengka	6062	2660
15	Kota Administratif Palu	360	280
16	Kabupaten Plores Timur	2100	980
17	Kota Administratif Cimahi	1516	454
18	Kabupaten Sumenep	840	560
19	Kabupaten Magetan	840	420
20	Kabupaten Serang	840 2970	420 1105
	Jumlah	136931	73188

Sumber Pimpinan Pusat Persatuan Islam 2015

Lembaga pendidikan Islam PERSIS perlu melakukan usaha-usaha lebih supaya dasar pemikiran di atas mencapai sasaran (*target*). Melakukan usaha bagi membolehkan objektif itu mencapai sasaran perlu terus diikhtiarkan dari semasa ke semasa. Antara beberapa usaha itu ialah memelihara kelangsungan lembaga pendidikan Islam PERSIS, memelihara, menjaga dan meningkatkan kualiti lembaga pendidikan itu dari semasa ke semasa supaya setara dengan lembaga pendidikan lainnya. Ikhtiar seperti itu dalam jangka panjang akan menghasilkan para lulusan (*output*) yang sesuai dengan harapan dan objektif PERSIS iaitu lulusan yang bijak, shalih *dan tafaqqahu fid-dien* serta dalam masa yang sama mampu memenuhi tuntutan cita-cita (*aspirasi*) negara bangsa iaitu ikut serta membangunkan negara Indonesia melalui bidang-bidang kepakaran lain.

1. Pengertian Peranan

Sebelum membahaskan lebih jauh tentang pembahasan mengenai Peranan Persatuan Islam (PERSIS) dalam Bidang Pendidikan di Indonesia, maka terlebih dahulu pengkaji kemukakan mengenai maksud peranan. Peranan adalah bahagian tugas yang dipegang atau rol. Mengikut kesesuaian dengan makna di atas bermakna organisasi Persis memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan tugas mendidik masyarakat. Selain itu, ianya juga mengandungi makna sebagai usaha-usaha yang dilakukan. Dengan itu, selaras dengan makna tadi maka dalam bab ini peranan bermaksud sebagai usaha-usaha yang dilakukan organisasi Persis dalam beberapa bidang pendidikan untuk kepentingan peningkatan kualiti ke atas individu.

2. Persatuan Islam dan Pendidikan Pesantren

Persatuan Islam dengan pendidikan Pesantren adalah umpama jasad dan nyawa. PERSIS wujud kerana adanya pendidikan pesantren. Begitu pula sebaliknya, pesantren Persis wujud kerana adanya Persatuan Islam (*Persis*). Lembaga pendidikan Pesantren Persis merupakan basis keilmuan daripada jamiyah Persis. Oleh kerana itulah Persis boleh mempertahankan eksistensinya. Di dalam pedoman sistem Pendidikan Persatuan Islam Bab I Seksyen 1 No. 2-3 dikemukakan bahawa Pendidikan Persatuan Islam adalah yang berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah serta berdasarkan pada peraturan per Undang-undangan yang sesuai dengan asasnya, iaitu undang-undang tentang sistem pendidikan Nasional Nombor. 2 tahun 1989. Undang-undang itu merupakan seperangkat peraturan pendidikan nasional yang terpadu dari semua satuan (*tingkatan*) dan kegiatan pendidikan yang berhubung kait antara satu dengan lainnya untuk mengusahakan tercapainya matlamat pendidikan nasional. Undang-undang ini terdiri daripada XX bab dan 59 pasal. Mengandungi ketentuan umum pendidikan, dasar fungsi dan tujuan, hak warga negara untuk memperoleh pendidikan, satuan jalur dan jenis pendidikan, tingkatan pendidikan, peserta didik, tenaga

pendidikan, sumber daya pendidikan kurikulum, hari belajar dan cuti sekolah, bahasa pengantar, penilaian, peranan masyarakat dalam pendidikan, badan pertimbangan pendidikan nasional, pengolahan, pengawalan, ketentuan lain, ketentuan pidana, ketentuan peralihan dan ketentuan penutup.

Sistem Pendidikan Persatuan Islam adalah sistem pesantren sebagai suatu keseluruhan yang terintegrasi daripada semua satuan, komponen, dan kegiatan pendidikan dalam upaya pencapaian matlamat pendidikan Persatuan Islam.⁶ Pemilihan sistem pendidikan Pesantren berlandaskan pada idealis PERSIS bahawa pesantren merupakan institusi pendidikan khas Indonesia. Dalam konteks Indonesia, pesantren diidealkan sebagai sistem pendidikan Islam yang bertujuan mencetak lulusan atau kelompok yang *tafaqqahu fii al-Din*. Pesantren pula boleh dikembangkan mengikut kaidah pengurusan moden kerana cabaran pendidikan dan situasi semasa yang terus berubah.

2.1. Pengertian Pesantren

Mengikut Zamakhsyari Dofier perkataan pesantren berasal dari kata santri, dengan awalan pe, dan akhiran an, bererti tempat tinggal santri.⁷ Soegarda Poerbakawatja menjelaskan bahawa pesantren berasal dari kata santri, iaitu seorang yang belajar agama Islam, dengan demikian pesantren mempunyai erti tempat orang berkumpul untuk belajar agama Islam.⁸ Manakala Manfred Ziamek menyebutkan bahawa asal etimologi perkataan pesantren adalah pe-santri-an, bererti tempat santri. Santri atau murid umumnya sangat berbeza-beza. Santri menerima pelajaran dari kyai atau ustaz dan murid menerima pelajaran dari guru. Manakala pelajaran mencakup pelbagai bidang mengenai pengetahuan Islam.⁹ Mengikut pendapat lain seperti yang dikemukakan oleh Profesor John bahawa istilah santri berasal dari bahasa Tamil, yang bererti guru mengaji. Sedangkan menurut C.C. Berg bahawa istilah shastri dalam bahasa India bererti orang yang tahu buku-buku agama Hindu. Perkataan shastri berasal daripada shastra yang bererti buku suci, buku agama atau buku-buku tentang ilmu pengetahuan.¹⁰

Wujudnya hubung kait istilah santri yang dipergunakan setelah masuknya Islam ke Nusantara, dengan istilah santri yang dipergunakan sebelum datangnya Islam adalah sesuatu perkara yang biasa berlaku. Sebab seperti mana yang dimaklumkan bahawa jauh sebelum Islam masuk ke Indonesia, masyarakat Indonesia telah menganuti beraneka ragam agama dan kepercayaan, termasuk agama Hindu dan Buddha. Adanya agama-agama sebelum Islam dapat dilihat dari peninggalan-peninggalan agama itu sendiri berupa candi dan tempat peribadatan lainnya. Candi Borobudur ialah menjadi salah satu dari “sembilan keajaiban dunia” yang terdapat di Pulau Jawa Indonesia. Dengan demikian bisa sahaja berlaku istilah santri itu sememangnya telah dikenal di kalangan masyarakat Indonesia sebelum Islam masuk. Sebahagian pendapat ada pula yang menyamakan tempat pendidikan itu dengan Buddha dari segi bentuk asrama.¹¹

Mengikut Mastuhu bahawa agama Jawa abad 8-9 Masehi merupakan perpaduan antara kepercayaan Animisme, Hinduisme, dan Budhisme. Di bawah pengaruh Islam, sistem pendidikan tersebut diambil alih dengan mengganti nilai ajarannya menjadi nilai ajaran Islam. Model pendidikan agama jawa itu disebut pawiyatan, berbentuk asrama dengan rumah guru yang disebut

⁶ Badri Khaeruman (2002), *Pembaharuan Islam Dalam Perspektif Pemikiran Keagamaan Persis*. Bandung: Desersasi IAIN, h. 49

⁷ Zamakhsyari Dhofier (1994), *Tradisi Pesantren*. Jakarta: LP3ES, h. 18

⁸ Soegarda Poerbawakatja (1976), *Ensiklopedia Pendidikan*. Jakarta: Gunung Agung, h. 223

⁹ Manfred Ziamek (1985), *Pesantren dalam Perubahan Sosial*. Jakarta: LP3ES, h. 16

¹⁰ Zamakhsyari Dofier, *op.cit.*, h. 18

¹¹ Manfred Ziamek, *op.cit.*, 223

Ki-ajar di tengah-tengahnya. *Ki ajar* dan cantrik atau murid hidup bersama dalam satu kampus. Hubungan mereka sangat erat bagaikan keluarga dalam satu rumah tangga. Ilmu-ilmu yang diajarkan adalah Filsafat, alam, seni, sastera dan sebagainya diberikan secara terpadu dengan pendidikan agama dan moral.¹² Berdasarkan pengertian di atas dapat difahamkan bahwa sistem pendidikan pesantren sedikit sebanyak dipengaruhi oleh unsur-unsur sebelum Islam.

Pendapat di atas juga didukung oleh beberapa fakta lain seperti tidak adanya “*Pendidikan Pesantren*” yang terdapat di tanah Arab sebagai sumber datangnya Islam ke seluruh dunia. Pendidikan pesantren yang memiliki ciri-ciri seperti pondok, kyai, masjid dan seperti yang akan penulis terangkan di bawah ini juga tidak terdapat pada mana-mana negara Islam lainnya. Pendidikan pesantren identik dengan pendidikan yang lahir dan muncul pertama kalinya di Indonesia sejak lama dahulu lagi dan memiliki identiti yang tersendiri bila dibandingkan dengan sistem pendidikan lainnya. Pada masa sekarang pengertian yang popular daripada pesantren adalah; suatu lembaga pendidikan Islam Indonesia yang bertujuan untuk memperdalam ilmu agama Islam dan mengamalkannya sebagai pedoman ke sehari-hari, atau disebut *tafaqahu fi ad-din* dengan menekankan kepentingan moral dalam hidup bermasyarakat. Orientasi pondok pesantren adalah memberikan pendidikan dan pengajaran keagamaan. Mengikut pendapat Marwan Saridjo bahawa pengajaran yang diberikan di pesantren adalah mengenai pokok-pokok agama dalam segala macam bidangnya. Yang terutama dipentingkan adalah beberapa pengetahuan yang berhubung kait dengan bahasa Arab, ilmu pengetahuan yang berhubung kait dengan syariah, ilmu yang berhubung kait dengan hadis dan al-Quran. Begitu pula dengan ilmu Kalam, ilmu tauhid dan sebagainya.¹³ Pesantren dalam lembaga pendidikan PERSIS merujuk kepada pengertian-pengertian di atas, tetapi dengan corak yang berbeza. Perbezaan ini bermaksud sebagai tempat penyelenggaraan pendidikan yang dikelola sebagai sekolah atau madrasah dan menjadikan mata pelajaran ilmu-ilmu agama sebagai keutamaan. Oleh itu, dalam istilah lain pendidikan pesantren PERSIS boleh disebut sebagai madrasah, hal ini berdasarkan pada ciri-ciri kesamaan pada mata pelajaran (*kurikulum*) keagamaan. Mengikut kepada pengertian yang diterbitkan oleh Kementerian Agama RI No.1 Tahun 1946 dan Peraturan Menteri Agama RI No.7 Tahun 1950 madrasah mengandungi makna:

1. Tempat pendidikan yang dikelola sebagai sekolah dan menyelenggarakan pelajaran agama Islam sebagai pokok pengajaran.
2. Pondok pesantren yang menyelenggarakan pendidikan setingkat madrasah.¹⁴

Mengikut kepada Surat Keputusan Bersama Tiga Menteri Tahun 1975, pengertian madrasah adalah lembaga pendidikan yang menjadikan mata pelajaran agama Islam sebagai mata pelajaran asas dan diberikan sekurang-kurangnya 30% di samping pelajaran umum.¹⁵ Mengikut kepada Undang-undang No. 2 Tahun 1989 dan Peraturan Pemerintah No. 28 dan 29 Tahun 1990 serta Surat Keputusan Menteri Pendidikan dan Pengajaran No. 0489/U/1992 dan Surat Keputusan Menteri Agama No. 373 Tahun 1993, madrasah merupakan sekolah yang berciri khas agama Islam. Berdasarkan pada beberapa rujukan tersebut maka sekolah dengan ciri khas pelajaran agama Islam merangkumi semua lembaga pendidikan pesantren dan madrasah. Dalam definisi tersebut juga

¹² Mastuhu (1994), *Dinamika Sistem Pendidikan Pesantren*. Jakarta: Inis, h.3

¹³ Marwan Saridjo (1980), *Sejarah Pondok Pesantren di Indonesia*. Jakarta: Dharma Bhakti, h. 30

¹⁴ Soegarda Poerbakawatja(1976), *Ensiklopedia Pendidikan*. Jakarta: Gunung Agung, h. 221

¹⁵ Surat Keputusan Bersama (SKB) Tiga Menteri Tahun 1975, pasal 1

termasuk pula pendidikan pesantren yang dikelola oleh Persis. Akan tetapi dalam pendidikan pesantren Persis pelajaran agama lebih mendominasi daripada pendidikan umum.

2.2. Ciri-ciri Pendidikan Pesantren

Sesuai dengan latar belakang sejarah Pesantren, maka dilihat dari tujuan didirikannya suatu pesantren adalah untuk memperdalam ilmu-ilmu agama sama ada ilmu tauhid, fikah, usul fikah, tafsir, hadis, akhlak, tasawuf, bahasa Arab dan lain-lain. Diharapkan seorang santri yang sudah tamat pengajiannya dapat memahami pelbagai mata pelajaran agama dengan kemampuan merujuk kepada kitab-kitab klasik. Sangat digalakkan juga seorang santri di samping menguasai ilmu-ilmu agama secara menyeluruh (dalam pesantren, pelajar diajarkan perihal agama Islam secara keseluruhan sebagaimana yang terdapat dalam mata pelajaran pesantren dibawah, tanpa adanya bidang pengkhususan tertentu) Di samping itu secara khusus pesantren juga memiliki keahlian atau kepakaran dalam mata pelajaran tertentu. Kerana ada spesialisasi kyai-kyai tertentu, maka ianya pula berpengaruh kepada aliran pesantren yang diasuh oleh kyai tersebut. Misalnya pesantren al-Munawir Krupyak Yogyakarta terkenal dengan spesialisasi al-Quran, Pesantren Lirboyo Kediri spesialisasi Nahwu dan Sharaf. Pesantren Tebuireng Jombang terkenal sebagai spesialisasi ilmu hadis demikian pula dengan pesantren-pesantren lainnya. Oleh kerana wujudnya spesialisasi dari pelbagai pesantren tersebut, maka seorang santri yang telah menyelesaikan pelajarannya pada salah satu pesantren biasa pindah ke pesantren lain untuk meneruskan pelajaran kepakaran (spesifikasi) tertentu. Kerana tuntutan utama yang mesti dikuasai oleh santri adalah ilmu-ilmu agama Islam, maka tidak boleh tidak para santri mesti memahami ilmu-ilmu agama Islam dari sumber asalnya iaitu al-Quran dan Sunnah yang telah dijabarkan oleh ulama terdahulu dalam kitab-kitab klasik berbahasa Arab dengan segala cabang-cabangnya yang merupakan unsur-unsur pokok dari suatu pesantren.

Untuk mengajarkan kitab-kitab klasik tersebut seorang kyai menempuh cara wetonan, sorogan dan hafalan. Wetonan atau bandongan adalah metod kuliah di mana para santri menyemak pelajaran sambil duduk melingkari kiai. Kyai membacakan kitab yang tengah dipelajari ketika itu, santri menyemak kitab masing-masing dan membuat catatan. Sorogan adalah metode kuliah dengan cara santri menghadap guru seorang demi seorang dengan membawa kitab yang akan dipelajari. Kitab-kitab yang akan dipelajari itu diklasifikasikan berdasarkan pada tingkatan-tingkatan. Bermula dengan kitab tingkatan awal, menengah dan atas. Seorang santri pemula terlebih dahulu dia mempelajari kitab-kitab awal, kemudian di perkenalkan mempelajari kitab-kitab tahap berikutnya demikianlah seterusnya. Oleh itu, *pesantren tradisional* tidak mengenal sistem kelas. Kemampuan santri tidak dilihat daripada tingkatan kelas berapa, melainkan dilihat daripada kitab apa sahaja yang telah dipelajarinya. Orang-orang pesantren telah dapat mendudukkan darjah ilmu seorang santri atas dasar tingkatan kitab yang telah dibacanya. Di samping metode wetonan dan sorogan yang disebutkan terdahulu, maka metode hafalan menempati kedudukan yang penting di persekitaran pesantren. Pelajaran-pelajaran dengan materi-materi tertentu diwajibkan untuk dihafaz. Misalnya pelajaran al-Quran dan hadith. Ada sejumlah ayat-ayat yang wajib dihafal oleh santri begitu pula hadith. Demikian pula halnya dengan bidang pelajaran lainnya seperti feqah, bahasa Arab, tafsir, tasawuf, akhlak, dan lain-lain. Hafazan-hafazan tersebut lazimnya berbentuk nazam (syair). Misalnya kaedah-kaedah nahwu seperti Alfiyah karya Ibnu Malik, merupakan bahagian yang mesti dihafal oleh santri, begitu pula nazam dari pelajaran-pelajaran lainnya. Selain itu, dilaksanakan pula bentuk mesyuarat iaitu mendiskusikan pelajaran yang dan akan dipelajari. Mesyuarat bertujuan untuk memahami materi pelajaran yang telah

disampaikan oleh ustaz. Terhadap pesantren yang tergolong pesantren khalafi, metode sorogan dan wetongan bukanlah merupakan satu-satunya metode pengajaran, mereka telah menjalankan metod pengajaran sebagaimana yang dipergunakan pada sekolah-sekolah umum (*klasikal*).

Suasana kehidupan belajar mengajar berlangsung sepanjang hari dan malam. Seorang santri mula bangun sejak waktu subuh sehingga menjelang tidur malam hari berada dalam proses belajar. Demikian pula kyai berada dalam suasana mengajar. Hubungan antara kiai dengan santri seperti hubungan antara orang tua dengan anak. Penanaman akhlak sangat diutamakan di persekitaran pesantren. Akhlak kepada sesama kawan, kepada masyarakat sekitar, terlebih-lebih kepada kyai. Terhadap sesama kawan sangat dipelihara supaya tidak menimbulkan sengketa dan ukhuwah Islamiyah tetap terpelihara. Terhadap masyarakat tetangga perlu pula dipelihara agar citra pesantren tidak rosak di mata masyarakat. Akhlak terhadap kyai sangat diutamakan kerana dari kyai lah santri memperoleh ilmu pengetahuan. Derhaka kepada kyai dapat berakibat tidak berkatnya ilmu. Jadi dalam kehidupan pesantren, penghormatan kepada kyai menempati posisi penting. Nasihat-nasihat, petuah-petuah kyai selalu diperhatikan. Hubungan antara santri dengan kyai tidak setakat berlaku selama santri berada dalam persekitaran pesantren, melainkan hubungan tersebut berterusan walaupun santri tidak lagi berada secara rasmi di pesantren. Pada waktu-waktu tertentu bekas santri datang mengunjungi kyai (sowan). Selain itu, hubungan santri dengan kyai tidak setakat berhubung kait dengan hal berkenaan pelajaran, melainkan lebih daripada itu. Dalam hal-hal yang sangat bersifat peribadi, selalu ditanyakan santri kepada kyai dan kyai pun selalu memberikan pandangan-pandangan mengenai pelbagai kesulitan yang dialami oleh santri. Sesuai dengan tujuan pesantren, didapati bahawa penekanan yang amat dipentingkan dalam menuntut ilmu adalah keikhlasan. Makna yang dijabarkan dari keikhlasan ini adalah bahawa menuntut ilmu bukan untuk mencari pangkat dan kedudukan dan juga untuk mencari harta. Oleh kerana itu, ijazah dalam pengertian tanda lulus peperiksaan akhir yang diterbitkan oleh pemerintah tidak begitu dipentingkan. Nilai yang terpenting bukan ijazah, hal ini seperti mana yang diwasiatkan oleh K.H. Imam Zarkasyi, pengasuh Pondok Pesantren Modern Gontor bahawa:

1. Ilmu peribadi dan kecekapan dalam masyarakat akan membuktikan buah (hasil) yang berharga dan dihargai (dihormati).
2. Kewujudan kualiti keilmuan yang dimiliki seseorang dan kecekapan yang berguna bagi masyarakat, itulah sebenar-benar ijazah dan merupakan surat keterangan yang dipertanggungjawabkan di dunia dan akhirat kelak.
3. Nilai daripada ijazah atau surat keterangan dari suatu perguruan atau lembaga pendidikan ialah atas hasil usaha bagi kebaikan manusia.

Pengaruh lain daripada sikap seperti ini adalah munculnya semangat berdikari dan percaya diri yang tinggi. Santri dididik untuk tidak menggantungkan harapannya kepada ijazah sahaja, tidak memiliki mentaliti pencari kerja melainkan memiliki mentaliti membuka lapangan pekerjaan.¹⁶ Pada periode kepemimpinan K.H. Abdurrahman, sikap dan pemikiran itu adalah menjadi ciri khas lulusan Pesantren Persis. Ustaz Abdurrahman sering menasihatkan agar jangan menggantungkan harapan kepada ijazah, tetapi percaya diri sepenuhnya kepada ilmu yang telah diperoleh di pesantren. Lulusan Pesantren PERSIS Bandung semasa period K.H. Abdurrahman termasuk lulusan yang cemerlang dan berkualiti, mereka ramai yang berjaya mengasaskan lembaga pendidikan Pesantren PERSIS selepas tamat pendidikan di Pesantren. Di bidang pekerjaan pula mereka terbukti lebih mandiri dan kreatif dalam menciptakan lapangan pekerjaan

¹⁶ Imam Zarkasyi dan Ahmad Sahal (t.t), *Wasiat, Pesan dan Harapan Pendiri Pondok Modern Gontor*

2.3. Unsur-unsur Pesantren

Mengikut keputusan mesyuarat lokakarya intensifikasi pengembangan Pondok Pesantren yang diselenggarakan pada tarikh 2-6 Mei 1978 di Jakarta, tentang pengertian pondok pesantren diberikan definisi bahawa Pondok Pesantren adalah lembaga pendidikan Islam yang minimum terdiri dari beberapa unsur iaitu;

1. Kyai/syeikh/ ustaz yang mendidik serta mengajar
2. Santri dengan asramanya
3. Masjid.¹⁷

2.3.1 Kyai

Kyai adalah tokoh sentral dalam suatu pesantren, maju mundurnya pesantren ditentukan oleh wibawa dan kharisma kyai. Oleh itu, tidak jarang berlaku, apabila kyai di salah satu pesantren wafat, maka pamor pesantren tersebut agak merosot kerana kyai yang menggantikannya tidak sehebat kyai yang terdahulu. Mengikut susur galur, perkataan kyai dalam bahasa Jawa dipakai untuk tiga jenis gelar yang berbeza. Berikut penulis kemukakan beberapa contoh perbezaan tersebut;

1. Kyai adalah gelar kehormatan terhadap barang yang dianggap keramat, umpamanya dalam perkataan Kyai Garuda Kencana. Perkataan Kyai dipakai untuk gelaran Kereta Emas yang ada di Keraton Yogyakarta.
2. Kyai merupakan gelar kehormatan untuk para orang tua pada umumnya.
3. Kyai merupakan gelar yang diberikan oleh masyarakat kepada seorang ahli agama Islam yang memiliki pesantren dan mengajarkan kitab-kitab Islam klasik kepada santrinya.¹⁸ Kyai dalam pembahasan ini merujuk kepada pengertian yang ketiga, walaupun sememangnya gelaran kyai pada masa ini tidak lagi dihadkan pada sesiapa yang memiliki pondok pesantren sahaja. Dalam perkembangannya gelaran kyai dipergunakan kepada ulama yang tidak memiliki pesantren. Khas untuk gelaran ulama kadang-kadang menggunakan padanan kata buya dan inyik di Sumatera, manakala di Aceh menggunakan padanan kata Tengku, dan kata Ajengan di Jawa Barat. Mengikut perkembangan, pada masa sekarang di Jawa Barat telah pun menggunakan kata kyai seperti halnya di Jawa Timur dan Jawa Tengah. Di lingkungan Pesantren Persis gelaran kyai ditujukan kepada para ustaz sama ada dia sebagai mudir, mudir am, ketua umum Persis, mubaligh atau ketua dewan hisbah. Lazimnya mereka telah memiliki darjah dan kualiti keilmuan yang hebat dan mendapat tempat di masyarakat. Seorang pimpinan pesantren Persis kadang-kadang bergelar ustaz atau kyai. Manakala gelaran untuk para guru di pesantren adalah ustaz atau ustazah.

2.3.2. Santri

Satri adalah siswa yang belajar di pesantren, santri ini dapat dikelompokkan menjadi dua bahagian ;

1. Santri Mukim, iaitu santri yang berdatangan daripada tempat-tempat yang jauh dan tidak memungkinkan untuk pergi balik ke rumahnya, maka santri itu mondok (tinggal) di Pesantren atau asrama pesantren.

¹⁷ *Pedoman Pembinaan Pondok Pesantren* (1998). Jakarta: Departemen Agama Republik Indonesia, Direktorat Jeneral Bimbingan Lembaga Islam, h. 8

¹⁸ Zamakhsyari Dofier, *op. cit.*, h.55

2. Santri Kalong, iaitu siswa-siswi yang berasal daripada daerah berdekatan dengan pondok pesantren. Oleh itu, mereka memungkinkan pergi balik ke pesantren dan tinggal di rumah masing-masing.
3. Dalam dunia pesantren lazim juga dilakukan seorang santri berpindah dari satu pesantren ke pesantren lain. Setelah seorang santri merasa cukup lama di suatu pesantren maka dia pindah ke pesantren lain. Lazimnya kepindahan itu untuk meningkatkan dan memperdalam suatu ilmu yang menjadi keahlian dari seorang kyai di pesantren yang akan didatanginya.

Pada pesantren yang tergolong tradisional, lamanya santri bermukim di tempat itu tidak ditentukan berdasarkan ukuran tahun dan darjah, melainkan berdasarkan pada kitab apa sahaja yang dia telah belajar. Dalam lembaga pendidikan pesantren Persis, peserta didik disebut sebagai santri, penamaan ini mengikut kesesuaian dengan nama lembaga. Penamaan ini telah dikukuhkan dalam peraturan mengenai pesantren Persis. Ciri lain yang membezakan santri Persis dengan lainnya adalah penggunaan baju seragam di bilik darjah, pengasingan bilik darjah untuk santri lelaki dan santri perempuan, pengasingan pondok lelaki dan pondok perempuan, pengasingan bilik air lelaki dan perempuan, pengasingan organisasi santri lelaki (*Rijalul Ghad*) dan organisasi santri perempuan (*Ummahatul Ghad*), pengasingan kantin santri lelaki dan santri perempuan. Penyelenggaraan cuti adalah hari Jumaat. Pesantren Persis tidak ikut serta dalam penyelenggaraan cuti besar nasional seperti hari Pahlawan, hari Ibu, hari kemerdekaan, hari kesaktian Pancasila dan lain-lain. Manakala kalender pendidikan berdasarkan pada kalender tahun Hijriyah dengan permulaan tahun pelajaran pada bulan *Syawal-Syaban*. Istilah kalender pendidikan Persis dikenal pula dengan sebutan *SS*. Menerusi proses perbincangan dan mesyuarat internal ahli dan pengurus pertubuhan yang sangat panjang, PERSIS mencadangkan penukarann kalender pendidikan dari *SS* (*Syawal- Syaban ke JJ (Jun-Julai)*). Tetapi secara gradual pada perkembangan tahun-tahun berikutnya, mula pada tahun 1995-an kalender pendidikan PERSIS telah bertukar kepada permulaan tahun pelajaran Jun-Julai.

2.3.3. Pondok

Istilah pondok boleh jadi diambil dari perkataan bahasa Arab, *al-funduq* yang bererti, hotel atau penginapan. Istilah pondok diertikan pula dengan asrama. Dengan demikian pondok mengandungi makna tempat tinggal. Sebuah pesantren mesti memiliki asrama (tempat tinggal kyai dan santri). Di tempat tersebut selalu berlaku komunikasi antara kyai dengan santri. Di pondok seorang santri patuh dan taat terhadap peraturan yang diperlakukan, ada kegiatan pada masa-masa tertentu yang mesti dilaksanakan oleh santri. Masa untuk belajar, solat, makan, sukan, tidur, berehat, dan sebagainya.¹⁹ Beberapa alasan penting kewujudan pondok di pesantren adalah: pertama, ramai santri yang berdatangan daripada daerah yang jauh untuk menuntut ilmu agama kepada kyai yang sudah termasyhur keahliannya. Kedua, pesantren-pesantren tersebut berada di kawasan pedesaan. Oleh itu, keberadaan pondok adalah sangat penting. Memandangkan perumahan khas untuk santri di pedesaan tidak wujud. Ketiga, wujud hubungan timbal balik antara kyai dengan santri, di mana para santri menganggap kyai sebagai orang tuanya sendiri. Keempat, suasana belajar santri sama ada bersifat intra kurikuler, kokurikuler, hidden kurikuler mahupun ektra kurikuler dapat dilaksanakan secara berkesan. Keenam, santri dapat diarahkan mengikut kesesuaian masa sepanjang hari dan malam. Oleh itu masa yang ada di pesantren tidak ada yang mubazir.

¹⁹ Zamakhsyari Dofier, *op.cit.*, 47-54

Di pesantren Persatuan Islam (PERSIS) kewujudan asrama atau pondok sememangnya menjadi keutamaan, kerana ianya salah satu syarat pengasasan lembaga pesantren PERSIS. Pondok (*asrama*) lazimnya berada di dalam lingkungan pesantren dan rumah kyai (*ustaz*) sama ada rumah ketua besar pesantren, para mudir, mahupun para guru. Terdapat banyak perbezaan antara pondok pesantren PERSIS yang mempertahankan ciri khas pesantren dengan pondok pesantren PERSIS yang menyerupai pola madrasah. Daripada aspek kepemimpinan, pesantren dengan ciri khas pesantren lebih bersifat sistem kekeluargaan. Misalnya kalau bapaknya seorang pendiri pesantren PERSIS, maka anak-anaknya akan mewarisi kepimpinan periode berikutnya. Tetapi pola pesantren dengan ciri khas kepimpinan seperti itu jauh lebih mendapat tempat dan kepercayaan sama ada daripada jamiyah PERSIS mahupun daripada masyarakat. Bahkan, dari aspek bilangan santri yang belajar di pesantren tersebut jauh lebih pesat berbanding dengan di pesantren yang menjalankan pola madrasah. Pesantren PERSIS dengan pola madrasah menjalankan pola kepimpinan kolektif di mana seorang *mudir am* (*ketua umum*) atau pengetua suatu pesantren diangkat oleh jamiyah dan pimpinan pusat PERSIS. Pesantren dengan pola madrasah kurang begitu mendapat tempat dan kepercayaan masyarakat ketika itu.

2.3.4. Masjid

Perkataan masjid berasal dari bahasa Arab yang bererti tempat sujud. Sujud bermaksud ibadah solat. Berdasarkan pengertian ini masjid dapat diertikan sebagai tempat beribadah. Fungsi masjid tidak setakat untuk solat melainkan mempunyai fungsi lain yang lebih luas, seperti penyelenggaraan pendidikan, kegiatan keagamaan. Pada zaman Rasulullah s.a.w. masjid berfungsi pula sebagai tempat penyelenggaraan pendidikan dan kegiatan-kegiatan sosial kemasyarakatan. Tradisi Rasulullah s.a.w. dalam memfungsikan masjid diteruskan oleh dinasti Bani Umayah, Abbasiyah, Fathimiyah dan beberapa dinasti lain. Di Makah dan Madinah para ulama mengajar murid-muridnya di Masjid Haram dan Masjid Nabawi. Para murid yang kebanyakannya datang daripada luar negara tinggal dalam koloni-koloni.²⁰ Mengikut sejarah permulaan pesantren bahawa jauh sebelum mengenal sistem belajar klasikal, masjid merupakan satu-satunya tempat berlangsung proses belajar mengajar antara kyai dengan santri. Oleh itu, suatu pesantren mesti mempunyai masjid, sebab di tempat itulah proses belajar mengajar berlangsung. Walaupun keadaan telah berubah, di mana pada masa sekarang kebanyakannya pesantren telah melangsungkan proses belajar di dalam bilik kelas, akan tetapi kewujudan masjid di pesantren merupakan salah satu identiti. Sehingga sekarang kyai sering mempergunakan masjid sebagai tempat membaca kitab-kitab klasik dengan metode wetongan dan sorogan. Masjid pula bagi santri berfungsi sebagai tempat menghafal pelajaran, menghafaz ayat-ayat al-Quran dan mengulang kaji pelajaran, bahkan sebagai tempat tidur santri pada malam hari.

Berdasarkan huraian mengenai unsur-unsur pesantren, maka Pendidikan Pesantren PERSIS mengadunkan kedua-dua unsur, iaitu unsur pesantren dan unsur madrasah. Kewujudan unsur pesantren seperti kyai, santri, pondok, masjid dan mata pengajaran kitab klasik telah pun berlangsung lama. Manakala unsur madrasah iaitu wujudnya pimpinan (*ketua*) pesantren, guru (*ustaz*), siswa (*santri*), perangkat keras, perangkat lunak (*metode dan tujuan*), pengajaran pelajaran agama Islam merupakan bahagian dari upaya pengelolaan pesantren secara lebih moden dan

²⁰ Ibid

berkesan. Ini tidak terlepas dari peranan PERSIS sebagai gerakan Islam yang beraliran pembaharu.

2.3.5. Pola-pola Pesantren

Pesantren yang begitu banyak, mempunyai pelbagai macam bentuk, jenis dan spesifik. Upaya pengelompokan Pesantren pernah dilakukan oleh Lembaga penelitian pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial (LP3ES) pada tahun 1973 dengan mengambil sampel lokasi di Bogor Jawa Barat. Daripada pengelompokan itu didapati bahawa pesantren berdasarkan sarana bangunan dan kurikulum di pola kan menjadi lima pola iaitu :

1. Pola I, Sarana masjid dan kyai. Kurikulum pembelajaran adalah mata pelajaran agama yang bersumberkan daripada kitab-kitab klasik. Metod pengajaran adalah wetonan dan sorogan, tidak menggunakan sistem klasikal. Penilaian santri diukur berdasarkan pada kitab yang telah dipelajarinya. Manakala mata pelajaran umum tidak diajarkan. Ijazah tidak diutamakan sebagai sertifikat untuk mencari pekerjaan.
2. Pola II, sarana masjid, rumah kyai dan pondok. Kurikulum hampir serupa dengan kurikulum pada pola I di atas. Perbezaan lain adalah proses belajar mengajar berlangsung secara klasikal dan non klasikal. Selain itu, kepada santri dibekalkan kemahiran hidup dan kemahiran berorganisasi. Santri dibahagi kepada beberapa tingkatan iaitu: tingkatan ibtidaiyah, tsanawiyah, aliyah. Metod yang dipergunakan adalah wetonan, sorogan, dan hafalan serta musyawarah.
3. Pola III, sarana masjid, rumah kyai, pondok, madrasah. Kurikulum telah dilengkapi dengan mata pelajaran umum dan pelbagai macam pendidikan lain sama ada pelajaran kemahiran, pramuka, sukan, kesenian, pendidikan keorganisasian dan pendidikan program pengembangan masyarakat.
4. Pola IV, sarana masjid, rumah kyai, pondok, madrasah, tempat keterampilan. Kurikulum pendidikan agama dan pelajaran keterampilan kemahiran. Pelajaran kemahiran adalah untuk membekalkan kepada para santri selepas tamat pengajian di pesantren. Antara kemahiran yang dibekalkan adalah kemahiran bertani, kemahiran binaan dan kemahiran penternakan.
5. Pola V, sarana masjid, rumah kyai, pondok madrasah, tempat keterampilan, universiti, gedung dewan mesyuarat, tempat sukan, sekolah aliran umum. Manakala kurikulum di pesantren di ajarkan kitab-kitab klasik, kurikulum ini dibuat oleh pesantren. Sedangkan madrasah (sekolah) di pesantren tersebut menyelenggarakan pendidikan model madrasah. Selain mengajarkan mata pelajaran agama, disampaikan pula mata pelajaran umum. Kurikulum madrasah di pesantren tersebut mengadopsi kurikulum pendidikan Nasional yang diterbitkan kerajaan. Pendidikan kemahiran pula diajarkan dalam pelbagai bentuk kegiatan. Di lingkungan pesantren pula diselenggarakan pendidikan sekolah umum (kebangsaan) dengan kurikulum berpandukan kepada kurikulum yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Nasional. Manakala kandungan kurikulum pelajaran agama untuk sekolah kebangsaan di pesantren diterbitkan oleh lembaga pesantren sendiri. Pada masa-masa yang telah dijadualkan diajarkan pula kemahiran membaca kitab-kitab klasik. Pada pesantren yang tergolong besar lazimnya mengelenggarakan perguruan tinggi atau universiti.²¹

²¹ Sujoko Prasodjo (1982), *Profil Pesantren Hasil Penelitian Pesantren al-Falah dan Delapan Pesantren lain di Bogor*. Jakarta: LP3ES, h. 83-84. Kuntowijoyo (1991), *Paradigma Islam; Interpretasi untuk Aksi*, Bandung, Mizan, 251-252.

Berdasarkan pemolaan tersebut maka lembaga pendidikan Pesantren PERSIS di kelompokan ke dalam pola I, pola II dan pola III. Lembaga pendidikan Pesantren PERSIS memiliki sarana pendidikan yang lengkap sama ada bangunan kelas, masjid, dewan mesyuarat, bangunan sukan, dan lain-lain. Manakala kurikulum ilmu-ilmu agama seperti hadith, tafsir, al-Quran, bahasa Arab (*nahwu dan sharaf*) dan lain-lain berpandukan kepada kurikulum yang diterbitkan oleh Bidang Kerja Tarbiyah Pimpinan Pusat PERSIS dan Kementerian Agama Republik Indonesia. Dalam perkembangannya, kurikulum pesantren PERSIS khas untuk pelajaran ilmu-ilmu umum seperti matematik, sains, sains sosial, bahasa Indonesia, dan lain-lain pula mengikut kesesuaian dengan kurikulum yang diterbitkan oleh Kementerian Agama. Sedangkan, sistem pesantren PERSIS dikelompokkan ke dalam tiga peringkat iaitu; pendidikan sekolah rendah agama (Diniyyah), pendidikan sekolah agama menengah (Tsanawiyah) dan pendidikan sekolah menengah atas agama (Muallimin dan Aliyah). Ketiga tiga peringkat mengadunkan elemen pendidikan tradisional dan elemen pendidikan sekolah.

Kesimpulan

Kajian ini telah membuktikan bahawa wujud peranan Persatuan Islam (PERSIS) Bandung dalam pelaksanaan pendidikan Islam. Pendidikan Islam PERSIS ikut berperanan mendidik anak bangsa supaya menjadi anak-anak yang salih. Peranan itu diwujudkan dalam bentuk penubuhan lembaga pendidikan bercorak pesantren. Lembaga pendidikan Islam PERSIS mengadunkan ciri dan pola klasikal dengan moden Penubuhan bermula dari peringkat pendidikan diniyyah, tsanawiyah dan muallimin. Corak pesantren dipilih kerana pesantren merupakan lembaga pendidikan yang tidak lapuk kerana hujan dan tidak lekang kerana panas, ianya masih sesuai dilakukan pada setiap masa dan keadaan. Kewujudannya masih diperlukan lagi, akan tetapi tidak bermakna pesantren perlu dipertahankan begitu sahaja, ia memerlukan penambahbaikan dari segi mutu dan pengurusan agar mampu bersaing dan bertahan pada zaman yang terus berubah. Manakala dari segi pengurusan, lembaga pendidikan Islam Persis mengamalkan sistem moden sama ada dalam pembelajaran mahupun di dalam pengurusan pelajar (santri).

Pendidikan pesantren memperoleh kejayaan dan kemajuan pada zamannya akan tetapi perlu penambahbaikan untuk zaman ini. Persis perlu menyesuaikan dengan tuntutan semasa agar lembaga pesantren tidak ditinggalkan pada zaman moden saat ini seperti mana yang dilakukan oleh persyarikatan Muhammadiyah dengan menubuhkan lembaga pendidikan keterampilan dengan tidak menolak ke tepi pendidikan Islam. Perkembangan pendidikan Persis pada ketika ini merupakan hasil dari fasa sejarah para pengasas Persis di masa lampau, oleh sebab itu pada fasa berikutnya pendidikan Persis adalah meningkatkan penambahbaikan supaya kewujudannya tetap relevan dan memberi sumbangan kepada masyarakat.

Rujukan

Dedeng Rosyidin (2009), *Konsep Pendidikan Formal Islam*, Bandung, Pustaka Nadvah.

Dalen, Deobold B. Nan (1993), *Memahami Penyelidikan Pendidikan*, Terj. Abdul Fatah, Selangor: DE-FPI-UPM.

Daulay, Haidar Putra (2001), *Historisitas dan Eksistensi Pesantren*, Yogyakarta: Tiara Wacana.

Djudju Sudjana (1995), *Model Keterpaduan Pendidikan Luar Sekolah dan Pendidikan Sekolah Sebagai Alternatif Penjabaran Sistem Pendidikan Nasional*, Bandung, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan IKIP.

Descombe, Martin (1998), *The Good Research Guide*, Buckingham, Open University Press.

Dofier, Zamakhsyari (1994), *Tradisi Pesantren*, Jakarta: LP3ES

Fachry Ali & Bachtiar Effendi (1986), *Merambah Jalan Baru Islam; Rekonstruksi Pemikiran Islam Indonesia Masa Orde Baru*, Bandung: Mizan.

Fauzi, Nur Wahid (1988), *K.H.E. Abdurrahman; Peranannya dalam Organisasi Persis*, Jakarta: Skripsi IAN Jakarta.

Fedderspiel, Howard M. (1970), *Persatuan Islam: Islamic Reform In Twentieth Century Indonesia*, New York: Cornel University.

Gall, M.D. (1996), *Educational Research An Introduction*, New York: Longman.

Gazalba, Sidi (1970), *Pendidikan Umat Islam*, Jakarta: Bharata.

Geertz, Cliford (1981), Abangan, Santri, Priyayi, Jakarta: Pustaka Jaya.

Gibb, H.A.R. (1978), *Aliran-Aliran Modern Dalam Islam*, Terj. Machoun Husein, Jakarta: CV. Rajawali.

Gottschalk, Lous (1985), *Mengerti Sejarah*, Terj. Nugroho Notosusanto, Jakarta: UI

Hadi, Sutrisno (1989), *Metodologi Riset Jilid I-II*, Yogyakarta: Andi Offset.

Hafidhuddin, Didin (1998) *Dakwah Aktual*. Jakarta: Gema Insan

Hamid, Hamdani (2002), *Persatuan Islam dan Usaha Pembaharuan Pendidikan*, Bandung: CV. Dasita Bandung.

Hamilton, Peter (1990), *Talcot Parson dan Pemikirannya; Sebuah Pengantar*, Terj. Hartono Hadikusumo, Yogyakarta: PT. Tiara Wacana.

Hamka (1961), *Pengaruh Muhammad Abduh di Indonesia*, Jakarta: Tintamas.

Hasjmy, A. (1974), *Dustur Da'wah Menurut Islam*, Jakarta: Bulan Bintang

Hasyimi (1981), *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, Bandung: Al-Maarif.

Hayat, Atip Latiful (1997), *Sambutan Ketua Umum PP Pemuda Persis*, Bandung: Makalah, 30 November.

Role of Islamic Religious Union (Persis) Bandung in Implementation of Islamic Education

- Kamus Dewan (1994), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartodirjo, artono (1982), *Pemikiran dan Perkembangan Historiografi Indonesia; Suatu Alternatif*, Jakarta: Gramedia.
- Khaeruman, Badri (2002), *Pembaharuan Islam Dalam Perspektif Pemikiran Keagamaan Persatuan Islam*, Bandung: Thesis IAIN Bandung.
- Koentjaraningrat (1991), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Gramedia.
- Lacomte & Goets (1984), *Ethnography and Qualitative Design in Education Research*, London: Academic Press Inc.
- Langgulung, Hassan (1986), *Manusia dan Pendidikan*, Jakarta: Pustaka Husna.
- _____ (1985), *Pendidikan dan Peradaban Islam*, Jakarta: Pustaka Al-Husna.
- _____ (1988), *Asas-asas Pendidikan Islam*, Jakarta: Pustaka Al-Husna.
- Lincoln, Yvonna S. & G. Guba, Egon (1985), *Naturalistic Inquiry*, Beverly Hills: Sage Publication.
- Musfiratun Yusuf (2008), *Manajemen Pendidikan*, Pekalongan, STAIN Press.
- Maarif, A. (1985), *Studi tentang Percaturan dalam Konstituante: Islam dan Masalah Ketatanegaraan*, Jakarta: LP3ES.
- Madjid, Nurcholis (1997), *Bilik-Bilik Pesantren Sebuah Potret Perjalanan*, Jakarta: Paramadina.
- Mangkusasmito, Prawoto (1970), 81), *Pertumbuhan Historis, Rumus Dasar Negara dan Sebuah Proyeksi*, Jakarta: Hudaya.
- Marshal, Katherine (1995), *Design Qualitative Research*, California: Sage Publication.
- Mastuhu (1994), *Dinamika Sistem Pendidikan Pesantren*, Jakarta: Inis.
- Mintadiredja, H.M.S (1970), *Islam dan Politik Islam dan Negara Indonesia*, Jakarta: PT. Septianus.
- Mochtar, Maksum (1999), *Pesantren Masa Depan, dalam Said Aqiel Siradj*, Jakarta: Pustaka Hidayah.
- Moleong, Lexy J. (2000), *Metodologi Penelitian Kualitatif*, Bandung: Rosda Karya.
- Morgan, Kennet W. (1980), *Islam Jalan Lurus*, Terj. Abu Salamah, Jakarta: Pustaka Jaya.
- Muchtar, Abdul Latief (1998), *Persis dari Masa ke Masa, dalam Gerakan Kembali ke Islam*, Bandung, PT. Remaja Rosdakarya.

- Muchtarom, Zaini (1988), *Santri dan Abangan di Jawa*, Jakarta: Inis
- Mughni, Syafiq A. (1994), *Hassan Bandung Pemikir Islam Radikal*, Surabaya: PT. Bina Ilmu.
- Mukti Ali, Muhammad (1971), *Alam Pikiran Islam Modern di Indonesia*, Yogyakarta: Hide.
- Mulyanudin, Asep (1991), *Peranan Persatuan Islam dalam Membendung Pengaruh Komunisme terhadap Masyarakat Muslim Indonesia 1950-1965*, Bandung, Skripsi IAIN Bandung.
- Nasution (1985), *Penelitian Kualitatif Naturalistik*, Bandung: Jemmars.
- Nasution, Harun (1974), *Islam Ditinjau dari Berbagai Aspeknya*, Jakarta: Bulan Bintang.
- _____ (1975), *Pembaharuan dalam Islam*, Jakarta: Bulan Bintang
- Natsir, Mohammad (1984), *Idoelogi Didikan Islam, Kapita Selekta*, Jakarta: Gunung Agung.
- Natsir, Tatang M. (1972), *Di Sekitar Reformasi dan Modernisasi Masyarakat Islam*, Bandung: Al-Maarif
- Noer, Deliar (1994), *Gerakan Modern Islam di Indonesia 1900-1942*, Jakarta: LP3ES.
- _____ (1987), *Partai Islam di Pentas Nasional*, Jakarta: Grafiti Press.
- Notosusanto, Nugroho (1984), *Masalah Penelitian Sejarah Kontemporer*, Jakarta: Idayu Press.
- Pedoman Sistem Pendidikan Persis (1996), Bandung: Persis Press.
- Pijper, G.F. (1984), *Beberapa Studi Tentang Sejarah Islam di Indonesia 1900-1950*, Terj Tudjimah, Jakarta: UI Pres.
- Poesponegoro (1984), *Sejarah Nasional Indonesia Jilid III*, Jakarta: Balai Pustaka.
- Prasodjo, Soejoko (1985), *Profil Pesantren*, Jakarta: LP3ES.
- Qanun Asasi dan Qanun Dakhili Persatuan Islam (1991), Bandung: Pimpinan Pusat Persis
- Rummel, J. Francis (1964), *An Introduction to Research Prosedures in Education*, New York: Harper & Row Publishers
- Saefudin, U.A. (1996), *Fiqhud Da'wah K.H.E. Abdurrahman*, Bandung: TB. Al-Huda.
- Schrike (1973), *Pergolakan Agama di Sumatra Barat*, Jakarta: Bharata.
- Soekmono (1985), *Pengantar Sejarah Kebudayaan Indonesia Jilid III*, Yogyakarta: Kanisius.